

## Tunku Azizah dilantik Pro Canselor Universiti Malaysia Pahang

**PEKAN** - Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dilantik sebagai Pro Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) menggantikan Tan Sri Mohd Kamil Jamil.

Pengumuman itu dibuat Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah pada Majlis Pelancaran Pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah dan Sambutan Aidilfitri UMP kampus Pekan di sini, semalam.

Tengku Abdullah yang juga Canselor UMP berkata, pelantikan itu diharap dapat mengangkat prestasi UMP sebagai universiti teknikal yang terkenama.

"Sudah tiba masanya kekosongan jawatan ini diisi. Saya sudah terima cadangan nama-nama untuk jawatan ini dan hasil perbincangan, pihak universiti melantik Tunku Azizah untuk jawatan tersebut," katanya.

Baginda bertitah, UMP yang kini difahamkan berada pada kedudukan kedua teratas universiti teknikal terbaik di Malaysia diharap dapat meletakkan diri sebagai universiti awam terbaik di negara ini.

"Saya berharap UMP terus maju

dan memperbaiki rangking sedia ada kepada satu kedudukan yang lebih baik," titah baginda.

Sementara itu, baginda turut menasihatkan mahasiswa UMP supaya memberikan tumpuan kepada pengajian dan tidak terpengaruh dengan ajaran Islam yang tidak seiring dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Saya harap tiada pelajar yang terpengaruh dan terpesong dengan ajaran-ajaran meragukan sebaliknya amal dan lekal dengan pegangan berpanduan ajaran Islam sebenar," titah baginda.

Berangkat sama pada majlis itu Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Maimunah Iskandariah.

Turut hadir Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip), Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan; Pengurus Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd. Hilmy Mohd. Taib; Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ahli Lembaga Pengarah universiti berkenaan, Datuk Ahmad Azmey Abu Talib.

Sementara itu, Dr. Daing Nasir berkata, melalui pelancaran pem-



Tengku Abdullah menyaksikan penyerahan dana permulaan RM400,000 daripada Muip untuk pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah yang disampaikan Wan Abdul Wahid kepada Dr Daing Nasir pada majlis itu.

binaan kolej kediaman tersebut, menyaksikan satu lagi projek penting dibangunkan melalui inisiatif MyGift secara wakaf dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) khusus untuk mahasiswa UMP dalam kalangan asnaf dan anak yatim.

Menurutnya, Kolej Kediaman Mawaddah dibangunkan atas tapak seluas 0.8 hektar dalam kawasan kampus UMP Pekan dengan kos RM5 juta.

"Pembinaan bangunan asrama dua tingkat itu akan dimulakan tahun ini dan dijangka siap pada 2018.

"Selain menyediakan kemudahan penginapan kepada 220 mahasiswa, bila siap kelak ia akan dilengkapi pelbagai kemudahan seperti dewan makan, ruang serba guna dan pejabat pentadbiran," katanya.

Beliau berkata, mahasiswa yang terpilih untuk tinggal di asrama itu akan dikecualikan yuran penginapan

an sepanjang pengajian.

"Pihak UMP menubuhkan sekretariat khas untuk menyelaras urusan berkaitan perancangan inisiatif dan penyaluran sumbangan berkaitan projek ini bagi memastikan projek teratur," katanya.

Menurutnya, apabila siap kelak, bangunan asrama itu akan menjadi model projek wakaf pendidikan yang bukan sahaja boleh diteladani institusi pengajian tinggi lain malah boleh dikembangkan secara serius oleh kerajaan bagi menggalakkan kesedaran wakaf dan amal jariah dalam kalangan masyarakat.

"Pada masa sama, Inisiatif MyGift UMP menjadi platform dana runcit atau 'crowdfunding' yang sistematis dan berstruktur untuk kita meneroka peluang pembiayaan bagi tujuan endowmen, wakaf pendidikan, bantuan asnaf, pembiayaan fasiliti dan seumpamanya selari dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi," katanya.

Menurutnya, Muip telah memberikan kelulusan rasmi untuk UMP memulakan kutipan wakaf bagi tujuan pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah dengan bantuan dana permulaan RM400,000.